

Level of Teacher Preparation of The Inclusive Program (Holistic Model) in Three Pilot School in Sabah State

Mohamad Zulhilmi Bin Hussin^a, Norshidah Binti Mohamad Salleh^b

Universiti Kebangsaan Malaysia

Mzhcie92@Gmail.Com

016-7744592

Abstract: The purpose of this study is to explore the levels of cognitive, affective and behavioral readiness of 169 teachers in three pilot schools and to determine if there were differences in teacher readiness levels in terms of cognitive, affective and behavioral aspects of the implementation of the Inclusive Education Program (Holistic Models) based on teaching experience. The design used is quantitative by using cross-sectional survey method. The Analysis Data used are statistical inference analysis which is one way ANOVA and descriptive analysis is used as mean and standard deviation. The findings show that teachers' cognitive and behavioral readiness to implement inclusive education programs (Holistic Model) is high. However, the affective willingness of teachers to implement inclusive education programs (Holistic Models) is at a moderate level. As such, teachers, administrators and the Ministry of Education Malaysia must jointly look for initiatives on the needs of teachers in the realization of an inclusive education program (Holistic Model) and assist in the successful transformation of education as targeted by the MOE.

Keyword: I inclusive Holistic Model; Cognitive Readiness; Affective Readiness; Behavior Readiness

PENGENALAN

Malaysia menyasarkan untuk menjadi Negara membangun menjelang 2020. Dalam merialisasikan sasaran tersebut, Negara perlu melahirkan modal insan yang (Model Holistik) tanpa mengetepikan golongan kurang upaya. Program Pendidikan Inklusif telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan telah diberikan kepada guru-guru melalui surat siaran Kementerian Pendidikan Malaysia yang bertarikh 11 Mei 2016. Program Pendidikan I inklusif (Model Holistik) telah diperkenalkan secara berperingkat-peringkat mulai tahun 2015 hingga tahun 2018. Namun, Mesyuarat Profesional KPM memutuskan untuk melaksanakan model (Model Holistik) ini secara berperingkat-peringkat mulai tahun 2020. Program Pendidikan inklusif juga merupakan medium yang efektif dan penting untuk mewujudkan kesamarataan peluang pendidikan antara murid aliran perdana dengan murid berkeperluan khas dalam bilik darjah inklusif. Pembelajaran inklusif dalam konteks pendidikan khas adalah pendidikan yang diberikan kepada murid-murid dengan keperluan pendidikan khas yang belajar bersama-sama dengan murid-murid normal, di dalam kelas yang sama dan diajar oleh guru biasa. Dalam merealisasikan Program Pendidikan Inklusif bagi murid berkeperluan khas, guru bertanggungjawab untuk memberikan pendidikan dan merealisasikan hasrat kementerian untuk kesamarataan pendidikan untuk semua murid. Tahap kesediaan guru juga boleh diukur melalui penerimaan guru melalui kognitif, tingkah laku dan afektif. Tugas merealisasikan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia bukan sahaja terletak pada bahu guru pendidikan khas semata-mata bahkan semua guru di sekolah sama ada guru aliran perdana, guru kaunseling, guru media dan pihak pentadbir sendiri akan memikul tugas ini dalam membantu murid berkeperluan khas mendapat pendidikan yang sama dengan murid aliran perdana.

KAEDAH KAJIAN

Dalam kajian ni, reka bentuk yang digunakan adalah secara kuantitatif iaitu menggunakan kaedah tinjauan silang atau '*cross-sectional*'. Data deskriptif yang dikumpul ini bertujuan untuk membuat tinjauan ke atas tahap kesediaan guru-guru di sekolah sama ada guru PPKI, guru Aliran perdana, Guru Bimbingan & Kaunseling atau pun pentadbir sekolah terhadap pelaksanaan Program Pendidikan I inklusif (Model Holistik).

Kajian berbentuk deskriptif juga merupakan kajian yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku atau menerokai sesuatu bidang yang masih kurang atau belum dikaji. Oleh yang demikian, kajian ini melibatkan pengumpulan maklumat yang berbentuk tahap kesediaan dan sikap guru-guru di sekolah rintis sama ada dari aspek kognitif, afektif dan tingkah laku terhadap pelaksanaan Program Pendidikan I inklusif (Model Holistik).

Populasi sasaran dalam kajian ini adalah terdiri daripada semua guru sekolah rintis yang menjalankan program inklusif (Model Holistik) di negeri Sabah. Di Sabah terdapat 3 buah Sekolah yang terlibat dalam pelaksanaan program rintis i inklusif (Model Holistik) dan terdapat seramai 169 orang guru yang terlibat iaitu Sk Luyang Kota Kinabalu (48 orang), Sk Kolombong Kota Kinabalu (60 orang) dan SK Inanam II Kota Kinabalu (61 orang).

Bagi tujuan pengumpulan data dalam kajian kuantitatif ini, penyelidik telah memilih untuk menggunakan soal selidik sebagai instrumen. Sementelahan itu, untuk mendapatkan maklum balas daripada responden penyelidik telah membina satu set soal selidik dengan menggunakan perisian '*Google Forms*'. Soal selidik yang dibina ini adalah untuk mendapatkan latar belakang responden dan untuk mengukur tahap kesedaran, pengetahuan dan sikap guru terhadap program inklusif (Model Holistik) di tiga buah sekolah rintis negeri Sabah. Pengkaji menggunakan Soal selidik *Multidimensional Attitudes toward nclusive Education Scale* (MATIES) dalam kajian Mahat (2008). Soal selidik ni telah diterjemahkan dalam Bahasa Malaysia. Dalam kajian ni, peserta diminta untuk menilai setiap perkara dalam enam skala Kedudukan skala Sangat Setuju, Setuju, Sedikit Setuju, Sedikit Tidak Setuju, Tidak Setuju dan Sangat Tidak Setuju.

Dalam menentukan kesahan dan kebolehpercayaan terhadap tem-item yang dibina dalam soal selidik, satu kajian rintis perlu dijalankan. Kajian rintis yang dijalankan dalam penyelidikan ni telah melibatkan 20 orang guru yang mengajar di sekolah rendah Kementerian Pendidikan Malaysia yang melaksanakan program inklusif. Hasil daripada kajian rintis yang dijalankan ke atas 20 orang guru dari sekolah sekolah KPM, nilai alpha bagi setiap konstruk yang diukur adalah melebihi 0.70 iaitu 0.764.

Dalam kajian ini analisis statistik inferensi telah dipilih dimana hasil daripada ujian statistik yang dapat digunakan untuk membuat inferens tentang data penyelidikan. ujian ANOVA satu hala telah dipilih bagi kajian ni kerana terdapat tiga pembolehubah bersandar yang ingin dikaji iaitu kognitif, afektif dan tingkah laku. analisis deskriptif juga digunakan iaitu nilai min dan sisihan piawai sebagai petunjuk.

DAPATAN KAJIAN

Hasil dapatan kajian secara kuantitatif akan digunakan bagi menjawab keenam-enam persoalan kajian iaitu: (1) Apakah tahap kesediaan kognitif guru terhadap pelaksanaan pendidikan inklusif (Model Holistik) ?, (2) Apakah tahap kesediaan afektif guru terhadap pelaksanaan pendidikan inklusif (Model Holistik) ?, (3) Apakah tahap kesediaan tingkah laku guru terhadap pelaksanaan pendidikan inklusif (Model Holistik) ?, (4) Adakah terdapat perbezaan terhadap tahap kesediaan kognitif, afektif dan tingkah laku guru terhadap pelaksanaan pendidikan inklusif (Model Holistik)? (5) Adakah terdapat perbezaan terhadap tahap kesediaan kognitif guru terhadap pelaksanaan pendidikan inklusif (Model Holistik) mengikut pengalaman?, (6) Adakah terdapat perbezaan terhadap tahap kesediaan afektif guru terhadap pelaksanaan pendidikan inklusif (Model Holistik) mengikut pengalaman?, (7) Adakah terdapat perbezaan terhadap tahap kesediaan tingkah laku guru terhadap pelaksanaan pendidikan inklusif (Model Holistik) mengikut pengalaman?.

Dapatan kajian ni adalah merujuk kepada maklum balas instrumen kajian yang akan diperoleh daripada 169 orang guru di tiga buah sekolah rintis. Kesemua dapatan kajian akan dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 23.0.

Kajian ni melibatkan responden yang terdiri daripada guru-guru di sekolah rintis sama ada berjawatan sebagai guru akademik (perdana), guru akademik (PPKI), guru bimbingan dan kaunseling dan pentadbir sekolah. Penyelidik akan menganalisis tentang demografi responden dari segi jantina, umur, pengalaman mengajar dan tahap pendidikan khtisas

Sebanyak 169 orang guru daripada 3 buah sekolah rintis yang telah memberikan respon kepada soal selidik yang diberikan. Penyelidik mendapati bahawa seramai 119 orang guru perempuan iaitu 70.4% dan hanya 50 orang guru lelaki iaitu 29.6% yang telah menjawab soal selidik. Taburan lingkungan umur berdasarkan bilangan dan peratusan responden, kebanyakan responden berumur 30 hingga 39 tahun iaitu seramai 63 orang dengan peratusannya sebanyak 37.3%. Diikuti dengan responden berumur 40 hingga 49 tahun iaitu seramai 52 orang (30.8%). Sebanyak 30 orang yang berumur 50 hingga 59 tahun iaitu 17.8% dan responden yang berumur kurang daripada 30 tahun hanya seramai 24 orang sahaja iaitu sebanyak 14.2%. Namun, penyelidik juga meletakkan pilihan umur iaitu 60 tahun ke atas dan tiada responden yang berumur 60 tahun ke atas.

Bagi kategori jawatan pula, kebanyakan responden terdiri daripada guru akademik aliran perdana iaitu seramai 107 orang guru iaitu sebanyak 63.3% diikuti dengan guru akademik PPKI iaitu 48 orang (28.4%), pentadbir sekolah seramai 11 orang (6.5%) serta guru bimbingan dan kaunseling seramai 3 orang iaitu sebanyak 1.8%.

Berdasarkan pengalaman mengajar pula, responden kajian ni kebanyakan telah mengajar di sekolah selama 11 hingga 20 tahun iaitu seramai 60 orang dengan peratusannya 35.5% diikuti dengan pengalaman mengajar selama 6 hingga 10 tahun iaitu seramai 40 orang guru (23.7%). Pengalaman mengajar guru selama 21 hingga 30 tahun pula mempunyai responden sebanyak 39 orang (23.1%), 2 hingga 5 tahun seramai 23 orang (13.6%), pengalaman mengajar bawah 2 tahun pula seramai 4 orang (2.4%) dan hanya 3 orang responden sahaja bagi pengalaman mengajar selama lebih daripada 30 tahun iaitu sebanyak 1.8%.

Bagi tahap pendidikan, kebanyakan responden adalah guru yang mempunyai tahap pendidikan ijazah sarjana muda pendidikan iaitu seramai 111 orang dengan peratusan 65.7%. Baki seterusnya ialah responden yang mempunyai tahap pendidikan diploma pendidikan iaitu seramai 40 orang guru (23.7%), ijazah sarjana pendidikan seramai 11 orang guru (6.5%) dan lain-lain seramai 7 orang guru (4.1%).

Persoalan kajian 1: Apakah tahap kesediaan kognitif guru terhadap pelaksanaan pendidikan inklusif (Model Holistik) ?

Persoalan kajian yang pertama ni akan dijawab berdasarkan respon responden pada instrumen kajian iaitu pada tem 1 sehingga tem 6 dalam bahagian B. Enam tem pada konstruk kognitif dalam bahagian B mendapat skor min pada tahap tinggi iaitu 3.84 hingga 5.20. Tem yang mempunyai nilai min tertinggi adalah tem pertama iaitu mendapat nilai skor min sebanyak 5.20 dan sisihan piawai ialah 0.820. Apabila dikaji oleh penyelidik, didapati bahawa kekerapan dan peratusan responden paling tinggi iaitu seramai 70 orang guru (41.4%) memilih “sangat setuju”. Manakala, jawapan paling rendah dipilih oleh responden ialah “sangat tidak setuju” iaitu tiada seorang pun guru memilihnya (0%).

Item yang mempunyai nilai min terendah pula ialah tem kelima dengan nilai min 3.84 dan nilai sisihan piawai sebanyak 1.497. Namun nilai skor min ni masih berada pada nilai yang tinggi. Nilai kekerapan dan peratusan item ni menunjukkan seramai 44 orang guru memilih “setuju” (26.0%) dan paling terendah di pilih oleh responden ialah “sangat tidak setuju” dan “tidak setuju” iaitu seramai 16 orang guru (9.5%). Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan bahawa tahap kesediaan guru dari aspek kognitif dalam melaksanakan pendidikan inklusif (Model Holistik) berada pada tahap tinggi ($M = 4.70$, $SP = 1.127$).

Persoalan kajian 2: Apakah tahap kesediaan afektif guru terhadap pelaksanaan pendidikan inklusif (Model Holistik) ?

Persoalan kedua juga dianalisis secara deskriptif. Tahap kesediaan afektif guru diukur berdasarkan soalan-soalan yang dikemukakan pada tem 7 sehingga 12 dalam bahagian B. Tahap kesediaan afektif guru berada pada tahap sederhana dan tinggi iaitu mendapat nilai skor min dalam lingkungan 3.15 hingga 4.15 dan keseluruhan nilai skor bagi persoalan ni berada pada tahap sederhana iaitu 3.63. Nilai skor min tertinggi berada pada tem ketujuh ($M = 4.15$, $SP = 1.422$). Dari segi kekerapan dan peratusan menunjukkan bahawa seramai 57 orang guru menyatakan setuju (33.7%) dan paling sedikit guru menyatakan sangat tidak setuju iaitu seramai 10 orang sahaja (5.9%).

Bagi skor min terendah pula berada pada item kesepuluh ($M=3.11$, $SP= 1.489$) iaitu pada tahap sederhana. Dari segi kekerapan dan peratusan menunjukkan bahawa seramai 47 orang guru menyatakan sedikit tidak setuju (27.8%) dan paling rendah guru menyatakan sangat tidak setuju iaitu seramai 14 orang sahaja (8.3%).

Persoalan kajian 3: Apakah tahap kesediaan tingkah laku guru terhadap pelaksanaan pendidikan inklusif (Model Holistik) ?

Bagi persoalan ketiga, kesemua enam item pada konstruk tingkah laku ni mendapat nilai skor min pada tahap tinggi iaitu dalam lingkungan 4.05 hingga 4.86. Nilai skor min tertinggi berada pada tem ke 13 iaitu nilai min sebanyak 4.86 dan sisihan piawai ialah 0.966. Apabila dikaji oleh penyelidik didapati bahawa kekerapan dan peratusan responden paling tinggi iaitu seramai 73 orang guru (43.2%) menyatakan “setuju”. Manakala, jawapan terendah dipilih oleh responden ialah “sangat tidak setuju” iaitu seorang sahaja guru memilihnya (0.6%).


Selain itu, item yang mempunyai nilai min terendah pula ialah item 15 dengan nilai min 4.05 dan nilai sisihan piawai sebanyak 1.554. Namun nilai skor min ini masih berada pada nilai yang tinggi. Nilai kekerapan dan peratusan item ini menunjukkan seramai 39 orang guru memilih “setuju” (23.1%) dan paling terendah di pilih oleh responden ialah “sangat tidak setuju” dan “tidak setuju” iaitu seramai 14 orang guru (8.3%). Secara keseluruhannya, dapatan bagi persoalan ketiga menunjukkan bahawa tahap kesediaan guru dari aspek afektif dalam melaksanakan pendidikan inklusif (Model Holistik) berada pada tahap tinggi ($M = 4.55$, $SP = 1.200$).

Persoalan kajian 4: Adakah terdapat perbezaan terhadap tahap kesediaan kognitif, afektif dan tingkah laku guru terhadap pelaksanaan pendidikan inklusif (Model Holistik)?

Dapatan kajian menunjukkan nilai skor min berada pada tahap sederhana dan tinggi. Bagi nilai skor min tinggi iaitu tahap kesediaan kognitif guru iaitu 4.70 ($SP=1.27$) dan tahap kesediaan tingkah laku guru iaitu 4.55 ($SP=1.200$). Manakala nilai skor sederhana ialah tahap kesediaan afektif guru iaitu 3.63 ($SP = 1.456$).

Melalui perbezaan skor min yang ditunjukkan di atas, ni menunjukkan bahawa terdapat perbezaan di antara tiga aspek ni. Ini membuktikan seorang guru yang mempunyai kognitif yang tinggi dan tingkah laku yang baik tidak semestinya membentuk emosi yang tinggi atau positif. Namun, sekiranya ketiga-tiga aspek ni dapat diseimbangkan sudah tentu akan menghasilkan penghasilan yang terbaik.

Rajah 1. Perbezaan 3 Aspek Tahap kesediaan guru



Persoalan Kajian 5: Adakah terdapat perbezaan terhadap tahap kesediaan kognitif guru terhadap pelaksanaan pendidikan inklusif (Model Holistik) mengikut pengalaman?

Ho1 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan kognitif guru terhadap pelaksanaan pendidikan inklusif (Model Holistik) mengikut pengalaman.

Hasil dapatan kajian mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor min tahap kesediaan kognitif guru mengikut pengalaman guru ($F(5,163)=1.842$; $p=0.107$). Tahap kesediaan kognitif guru yang berpengalaman mengajar 21 hingga 30 tahun ($M=4.90$, $SP=0.573$) adalah paling tinggi berbanding pengalaman mengajar yang lain. Pengalaman mengajar lebih 30 tahun ($M=4.83$, $SP=0.333$) merupakan skor min kedua tertinggi diikuti dengan pengalaman mengajar 11 hingga 20 tahun ($M=4.72$, $SP=0.614$), pengalaman mengajar 2

hingga 5 tahun ($M=4.66$, $SP=0.771$), pengalaman mengajar 6 hingga 10 tahun ($M=4.51$, $SP=0.652$) dan yang terakhir ialah pengalaman mengajar bawah 2 tahun ($M=4.29$, $SP=0.599$).

Persoalan Kajian 6: Adakah terdapat perbezaan terhadap tahap kesediaan afektif guru terhadap pelaksanaan pendidikan inklusif (Model Holistik) mengikut pengalaman?

Ho3 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan afektif guru terhadap pelaksanaan pendidikan inklusif (Model Holistik) mengikut pengalaman.

Hasil dapatan kajian mendapati terdapat perbezaan yang signifikan skor min tahap kesediaan afektif guru mengikut pengalaman guru ($F(5,163)=3.772$; $p=0.003$). Tahap kesediaan afektif guru yang berpengalaman mengajar 21 hingga 30 tahun ($M=4.00$, $SP=0.995$) adalah paling tinggi berbanding pengalaman mengajar yang lain. Pengalaman mengajar 2 hingga 5 tahun ($M=3.88$, $SP=1.154$) merupakan skor min kedua tertinggi diikuti dengan pengalaman mengajar 11 hingga 20 tahun ($M=3.72$, $SP=1.140$), pengalaman mengajar 6 hingga 10 tahun ($M=3.18$, $SP=1.021$), pengalaman mengajar lebih daripada 30 tahun ($M=2.94$, $SP=0.255$) dan yang terakhir ialah pengalaman mengajar bawah 2 tahun ($M=2.54$, $SP=0.551$). Walaubagaimanapun, skor min tahap kesediaan afektif guru yang berpengalaman mengajar 21 hingga 30 tahun dan guru yang mengajar 11 hingga 20 tahun tidak berbeza secara signifikan. Walaupun keputusan ujian ANOVA satu hala adalah signifikan secara statistik, perbezaan sebenar dalam skor min antara kumpulan agak kecil. Kesan saiz yang dikira menggunakan Eta kuasa dua adalah 0.103.

Persoalan Kajian 6: Adakah terdapat perbezaan terhadap tahap kesediaan tingkah laku guru terhadap pelaksanaan pendidikan inklusif (Model Holistik) mengikut pengalaman?

Ho2 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan tingkah laku guru terhadap pelaksanaan pendidikan inklusif (Model Holistik) mengikut pengalaman.

Hasil dapatan kajian mendapati terdapat perbezaan yang signifikan skor min tahap kesediaan tingkah laku guru mengikut pengalaman guru ($F(5,163)=3.366$; $p=0.006$). Tahap kesediaan tingkah laku guru yang berpengalaman mengajar bawah 2 tahun ($M=5.50$, $SP=0.593$) adalah paling tinggi berbanding pengalaman mengajar yang lain. Pengalaman mengajar lebih daripada 30 tahun ($M=5.00$, $SP=1.000$) merupakan skor min kedua tertinggi diikuti dengan pengalaman mengajar 6 hingga 10 tahun ($M=4.85$, $SP=0.914$), pengalaman mengajar 2 hingga 5 tahun ($M=4.78$, $SP=0.837$), pengalaman mengajar 11 hingga 20 tahun ($M=4.42$, $SP=1.011$) dan yang terakhir ialah pengalaman mengajar 21 hingga 30 tahun ($M=4.17$, $SP=1.028$). Walaubagaimanapun, skor min tahap kesediaan tingkah laku guru yang berpengalaman mengajar bawah 2 tahun dan guru yang mengajar lebih 30 tahun tidak berbeza secara signifikan. Walaupun keputusan ujian ANOVA satu hala adalah signifikan secara statistik, perbezaan sebenar dalam skor min antara kumpulan agak kecil. Kesan saiz yang dikira menggunakan Eta kuasa dua adalah 0.093.

Jadual 1. Hasil Kajian Keseluruhan

Hipotesis	Penyataan Hipotesis	Keputusan
HO1	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan kognitif guru terhadap pelaksanaan pendidikan inklusif (Model Holistik) mengikut pengalaman.	Diterima
HO2	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan afektif guru terhadap pelaksanaan pendidikan inklusif (Model Holistik) mengikut pengalaman.	Ditolak
HO3	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan tingkah laku guru terhadap pelaksanaan pendidikan inklusif (Model Holistik) mengikut pengalaman.	Ditolak

PERBINCANGAN

Berdasarkan analisis yang telah dibuat pada bab 4, penyelidik mendapati bahawa tahap kesediaan kognitif guru terhadap pelaksanaan program pendidikan inklusif (Model Holistik) adalah berada pada tahap tinggi ($M = 4.70$, $SP = 1.127$). Ini bermaksud guru di sekolah rintis secara umumnya mempunyai pengetahuan dan pemikiran tentang program pendidikan inklusif (Model Holistik). Bagi tahap kesediaan afektif guru terhadap pelaksanaan program pendidikan inklusif (Model Holistik) pula berada pada tahap sederhana iaitu purata nilai min 3.63 ($SP = 1.456$). Ini bermakna guru-guru di sekolah rintis juga memahami dan boleh menzahirkan emosi tentang kesediaan mereka dalam melaksanakan program pendidikan inklusif (Model Holistik). Aspek tingkah laku pula

menunjukkan nilai purata 4.55 ($SP = 1.200$) iaitu berada pada tahap tinggi. Dapatan ni bermaksud guru-guru di sekolah rintis telah bersedia dalam melaksanakan program pendidikan inklusif (Model Holistik).

Selain tu, hasil analisis inferensi menggunakan ujian ANOVA sehala pula mendapati hipotesis nul H_{01} adalah diterima manakala H_{02} dan H_{03} adalah ditolak. Ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan afektif dan tingkah laku guru terhadap program pendidikan inklusif (Model Holistik) mengikut pengalaman. Didapati emosi dan cara pelaksanaan program pendidikan inklusif (Model Holistik) adalah dipengaruhi oleh pengalaman guru. Oleh tu, pengalaman seseorang guru penting dalam meningkatkan kesediaan untuk melaksanakan program pendidikan inklusif (Model Holistik).

Tahap Kesediaan Kognitif Guru Terhadap Pelaksanaan Program Pendidikan inklusif (Model Holistik)

Berdasarkan hasil dapatan kajian mendapati bahawa tahap kesediaan kognitif guru terhadap pelaksanaan program pendidikan inklusif (Model Holistik) berada pada tahap tinggi. Nilai purata min keseluruhan bagi konstruk kognitif adalah ($M = 4.70$). Hasil keseluruhan kajian mendapati bahawa purata nilai min tahap kesediaan kognitif guru adalah paling tinggi jika dibandingkan dengan nilai purata min tahap kesediaan afektif dan tingkah laku guru. Keenam-enam item yang berada dalam konstruk kognitif juga berada dalam tahap tinggi. Dapatan ni boleh disimpulkan bahawa guru-guru di sekolah rintis mempunyai kesediaan kognitif seperti pengetahuan yang baik mengenai pendidikan inklusif secara umumnya yang merangkumi tahap kesesuaian atau tidak dengan murid berkeperluan khas, konsep pendidikan inklusif dan matlamat pelaksanaan program inklusif (Model Holistik) kepada MBK atau pun murid aliran perdana.

Tahap Kesediaan Afektif Guru Terhadap Pelaksanaan Program inklusif (Model Holistik)

Hasil dapatan kajian mendapati bahawa tahap kesediaan afektif guru terhadap pelaksanaan program pendidikan inklusif (Model Holistik) berada pada tahap sederhana. Nilai purata min keseluruhan bagi konstruk afektif adalah ($M = 3.63$). Secara terperinci, keseluruhan hasil kajian mendapati bahawa purata nilai min tahap kesediaan afektif guru adalah paling rendah jika dibandingkan dengan nilai purata min tahap kesediaan kognitif dan tingkah laku guru. Keenam-enam item yang berada dalam konstruk afektif berada dalam tahap tinggi (item 7, item 8 dan item 9) dan sederhana (item 10, item 11 dan item 12). Namun, keputusan keseluruhan berpihak pada tahap sederhana. Dapatan ni boleh disimpulkan bahawa guru-guru di sekolah rintis masih kurang kesediaan afektif seperti perasaan yang sepatutnya ditunjukkan dan dizahirkan sekiranya murid berkeperluan khas ni dimasukkan ke dalam kelas aliran perdana sekaligus mengenai pendidikan inklusif secara (Model Holistik).

Tahap Kesediaan Tingkah Laku Guru Terhadap Pelaksanaan Program inklusif (Model Holistik)

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kesediaan tingkah laku guru terhadap pelaksanaan program pendidikan inklusif (Model Holistik) berada pada tahap tinggi. Nilai purata min keseluruhan bagi konstruk tingkah laku adalah ($M=4.55$). Secara keseluruhan hasil kajian mendapati bahawa purata nilai min tahap kesediaan tingkah laku guru berada di tengah-tengah antara nilai purata min tahap kesediaan kognitif dan afektif guru. Keenam-enam item yang berada dalam konstruk afektif berada dalam tahap tinggi iaitu item 13 sehingga item 18. Dapatan ni boleh disimpulkan bahawa guru-guru di sekolah rintis secara positifnya mempunyai kesediaan tingkah laku dalam melaksanakan pendidikan inklusif secara (Model Holistik).

Perbezaan 3 Aspek Tahap Kesediaan Guru Secara Keseluruhan

Berdasarkan hasil dapatan menunjukkan nilai skor min berada pada tahap sederhana dan tinggi. Bagi nilai skor min tinggi iaitu tahap kesediaan kognitif guru iaitu 4.70 ($SP=1.27$) dan tahap kesediaan tingkah laku guru iaitu 4.55 ($SP=1.200$). Manakala nilai skor sederhana ialah tahap kesediaan afektif guru iaitu 3.63 ($SP = 1.456$).

Ketiga-tiga aspek ni mempunyai perbezaan sama ada dari nilai skor min mahu pun nilai sisihan piawai. Ini menggambarkan bahawa aspek kognitif, emosi dan tingkahlaku memainkan peranan yang penting untuk mewujudkan pelaksanaan program yang baik. Berdasarkan dapatan kajian ini, berlaku ketidakseimbangan di antara ketiga-tiga aspek di mana aspek kognitif dan tingkah laku mendapat skor yang tinggi manakala aspek afektif mendapat skor yang sederhana.

Guru-guru di sekolah rintis disimpulkan bahawa terdapat perbezaan dalam diri guru-guru di mana aspek kognitif, afektif dan tingkah laku mereka masih tidak seimbang. Apabila ketiga-tiga aspek ini seimbang, ini dapat mewujudkan kesediaan guru yang tinggi dalam melaksanakan program pendidikan inklusif (model holistik)

dengan penuh dedikasi dan positif. Namun secara konklusinya, kajian ini telah membuktikan terdapat perbezaan antara ketiga-tiga aspek iaitu kognitif, afektif dan tingkah laku dalam melaksanakan program pendidikan inklusif (model holistik).

Perbezaan Tahap Kesediaan Guru Mengikut Pengalaman Mengajar

Bahagian ini akan menjawab objektif yang kedua iaitu mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan tahap kesediaan guru dari aspek kognitif, afektif dan tingkah laku terhadap pelaksanaan Program Pendidikan Inklusif (Model Holistik) mengikut pengalaman mengajar. Hasil dapatan kajian pada aspek kesediaan kognitif guru menunjukkan taburan perbezaan min iaitu guru yang berpengalaman mengajar 21 hingga 30 tahun ($M=4.90$, $SP=0.573$) adalah paling tinggi berbanding pengalaman mengajar yang lain. Pengalaman mengajar lebih 30 tahun ($M=4.83$, $SP=0.333$) merupakan skor min kedua tertinggi diikuti dengan pengalaman mengajar 11 hingga 20 tahun ($M=4.72$, $SP=0.614$), pengalaman mengajar 2 hingga 5 tahun ($M=4.66$, $SP=0.771$), pengalaman mengajar 6 hingga 10 tahun ($M=4.51$, $SP=0.652$) dan yang terakhir ialah pengalaman mengajar bawah 2 tahun ($M=4.29$, $SP=0.599$). Keputusan ini menunjukkan bahawa pengalaman mengajar tidak mempengaruhi tahap kognitif seseorang guru terhadap pelaksanaan program pendidikan inklusif (Model Holistik). Namun demikian, secara statistiknya perbezaan ini adalah tidak terdapat perbezaan yang signifikan disebabkan nilai signifikan ialah 0.107.

Analisis statistik ke atas tahap kesediaan afektif guru menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap afektif guru terhadap pelaksanaan program pendidikan inklusif (Model Holistik) mengikut pengalaman mengajar. Purata skor min menunjukkan tahap kesediaan afektif guru yang berpengalaman mengajar 21 hingga 30 tahun ($M=4.00$, $SP=0.995$) adalah paling tinggi berbanding pengalaman mengajar yang lain. Pengalaman mengajar 2 hingga 5 tahun ($M=3.88$, $SP=1.154$) merupakan skor min kedua tertinggi diikuti dengan pengalaman mengajar 11 hingga 20 tahun ($M=3.72$, $SP=1.140$), pengalaman mengajar 6 hingga 10 tahun ($M=3.18$, $SP=1.021$), pengalaman mengajar lebih daripada 30 tahun ($M=2.94$, $SP=0.255$) dan yang terakhir ialah pengalaman mengajar bawah 2 tahun ($M=2.54$, $SP=0.551$). Dapatan daripada hasil analisis statistik ke atas tahap kesediaan afektif guru menunjukkan bahawa pengalaman mengajar mempengaruhi tahap afektif guru terhadap pelaksanaan program pendidikan inklusif. Aspek kesediaan tingkah laku guru juga menunjukkan keputusan yang sama ($F(5,163)=3.366$; $p=0.006$, $p<0.05$) di mana terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap tingkah laku guru terhadap pelaksanaan program pendidikan inklusif (Model Holistik) mengikut pengalaman. Kedua-dua hasil analisis ke atas kesediaan afektif dan tingkah laku menunjukkan bahawa pengalaman guru memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan kesediaan guru untuk melaksanakan program pendidikan inklusif (Model Holistik). Dapatan kajian mendapati bahawa tahap kesediaan guru dari aspek afektif dan tingkah laku bagi keenam-enam kumpulan adalah berbeza.

Secara konklusinya, keseluruhan dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa guru lama atau guru berpengalaman lebih bersifat positif kepada kesediaan kognitif dan afektif. Sementara, guru baru lebih bersedia untuk melaksanakan program pendidikan inklusif (Model Holistik). Oleh itu, guru baru dan guru yang banyak pengalaman mengajar mempunyai semangat yang positif tersendiri mengikut tahap kesediaan sama ada kognitif, afektif dan tingkah laku terhadap pelaksanaan program pendidikan inklusif (Model Holistik).

Implikasi Dapatan Kajian

Hasil daripada kajian ini, terdapat beberapa implikasi yang boleh diberikan kepada pihak yang berkaitan untuk mempertingkatkan lagi tahap pelaksanaan program pendidikan inklusif (Model Holistik).

Guru

Berdasarkan gagasan pendidikan masa kini yang ingin mewujudkan pendidikan sama rata di antara semua murid tanpa mengira latar belakang keupayaan fizikal mereka, guru perlu memberikan komitmen yang mantap dalam melaksanakan program pendidikan inklusif (Model Holistik). Guru juga perlu bersedia untuk melengkapi diri dari aspek kognitif, afektif dan tingkah laku yang diperlukan dalam pelaksanaan program pendidikan inklusif. Kesediaan guru ini membolehkan guru sentiasa memperbaiki dan bersedia dalam apa jua pendekatan baru yang memerlukan kesesuaian teknik pengajarannya dalam memastikan program pendidikan inklusif dilaksanakan mengikut garis panduan Kementerian Pendidikan Malaysia. Oleh itu, sekiranya guru memberikan komitmen yang tinggi untuk melaksanakan program pendidikan inklusif, maka hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menyamaratakan pendidikan dapat direalisasikan.

Pentadbir sekolah

Berdasarkan dapatan kajian ini, sokongan dan bantuan daripada pihak pentadbiran dalam usaha untuk menggalakkan guru-guru melaksanakan program pendidikan inklusif adalah sangat penting. Pihak sekolah

disarankan agar lebih peka tentang keperluan guru dengan menganjurkan program-program yang berkaitan dengan pendidikan inklusif bagi membolehkan guru-guru mendapatkan ilmu dan pendedahan secara berkala. Hal ini dapat meningkatkan motivasi guru untuk bersedia dalam melaksanakan program pendidikan inklusif. Selain itu, '*professional learning community*' (PLC) dalam kalangan guru di sekolah rintis perlu diaktifkan agar guru dapat bertukar-tukar pandangan serta idea untuk penambahbaikan dengan lebih kerap.

Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Selain itu, guru-guru mempunyai kesediaan afektif terhadap pelaksanaan program pendidikan inklusif pada tahap sederhana berbanding aspek kesediaan kognitif dan kesediaan tingkah laku. Ini jelas menunjukkan bahawa satu usaha dari pihak BPK perlu diwujudkan untuk menganjurkan kursus serta latihan bagi meningkatkan motivasi guru dalam melaksanakan program pendidikan inklusif (Model Holistik). Ini membolehkan guru dapat memupuk persepsi positif guru terhadap kesediaan melaksanakan program pendidikan inklusif (Model Holistik).

Pihak BPK hendaklah melaksanakan satu latihan untuk pembangunan profesionalisma guru yang fokus kepada program pendidikan inklusif secara konsisten sepanjang tahun agar guru sentiasa mendapat ilmu yang terkini. Pihak BPK juga boleh melantik atau mewujudkan guru pakar dalam pendidikan inklusif untuk dijadikan rujukan kepada guru-guru yang masih kurang pengetahuan tentang pendidikan inklusif.

Amalan Guru

Melalui kajian ini, guru boleh meningkatkan amalan profesionalisma dengan meningkatkan kemahiran diri dan pengetahuan yang lebih mendalam untuk menguasai penguasaan pengajaran dalam program pendidikan inklusif (model holistik). Amalan ini akan menjadi kebiasaan kepada guru sekiranya terdapat lagi perubahan paradigma yang diperkenalkan oleh KPM dari tahun ke tahun.

Teori

Teori merupakan garis panduan yang membolehkan guru untuk bertindak dalam melaksanakan program pendidikan inklusif (model holistik). Secara teorinya, teori yang digariskan menjadi panduan kepada pentadbir mahu pun KPM untuk merangka lagi inisiatif agar program ini terus berkembang sehingga mendapat peratusan tertinggi dalam maklum balas daripada guru-guru yang melaksanakan program ini. Melalui kajian ini juga, guru-guru dapat menguasai teori-teori yang berkaitan dengan kesediaan mereka menempuhi cabaran dalam memperkasakan program ini.

Cadangan Kajian Lanjutan

Antara cadangan kajian lanjutan adalah kajian lanjut yang melibatkan populasi secara menyeluruh dan meluas boleh dilakukan pada masa hadapan. Penggunaan responden yang melibatkan kesemua pendidik dari seluruh negara lebih tepat untuk menggambarkan tahap kesediaan sebenar guru di Malaysia terhadap pelaksanaan program pendidikan inklusif (Model Holistik). Kedua, kajian lanjut yang melibatkan kumpulan responden lain juga boleh diperluaskan seperti kepada para pelajar. Hal ini membolehkan dapatan tentang sejauh mana keberkesanan program kepada murid-murid sama ada murid berkeperluan khas dan murid aliran perdana. Selain itu, kajian ini hanya melibatkan pengumpulan data secara kuantitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian tinjauan. Kajian lanjut yang melibatkan pengumpulan data secara kualitatif seperti kaedah temu bual. Kaedah ini dapat memberikan maklumat yang lebih terperinci dan secara terus terutama tentang afektif guru dalam melaksanakan program pendidikan inklusif (Model Holistik).

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati pelaksanaan pendidikan inklusif di sekolah rintis adalah melibatkan beberapa tahap kesediaan guru sama ada dari aspek kognitif, afektif dan tingkah laku dalam merealisasikan program pendidikan inklusif (Model Holistik) dengan jayanya. Program inklusif merupakan satu program yang masih baru di Malaysia khususnya kepada sekolah yang tiada murid MBK. Kajian tentang kesediaan kognitif, afektif dan tingkah laku guru terhadap program pendidikan inklusif (Model Holistik) masih kurang dijalankan dan jika ada, kebanyakannya adalah dari luar negara. Kajian ini boleh dianggap sebagai perintis khususnya untuk program inklusif. Dapatan kajian lepas telah membuktikan bahawa pelaksanaan program pendidikan inklusif (Model Holistik) boleh dipengaruhi oleh tahap kesediaan kognitif, afektif dan tingkah laku guru mengikut pengalaman mengajar. Jika guru mempunyai kesediaan yang positif, maka pelaksanaan program ini dapat direalisasikan. Ini bermakna bahawa, jika persepsi positif guru di sekolah rintis

tentang pendidikan inklusif dapat ditingkatkan, maka kesediaan guru tentang pelaksanaan pendidikan inklusif juga akan turut meningkat.

Secara keseluruhannya, hasil dapatan yang diperolehi membuktikan bahawa kesediaan guru dari aspek kognitif dan tingkah laku untuk melaksanakan program pendidikan inklusif (Model Holistik) adalah tinggi. Namun, kesediaan afektif guru untuk melaksanakan program pendidikan inklusif (Model Holistik) berada pada tahap sederhana. Maka, kursus dan praktikal perlu diberikan oleh pihak-pihak berwajib bagi membantu para guru untuk memberi persepsi yang positif dalam melaksanakan program pendidikan inklusif (Model Holistik). Justeru itu, guru, pentadbir dan Kementerian Pendidikan Malaysia perlu bersama-sama mencari inisiatif terhadap keperluan guru dalam merealisasikan program pendidikan inklusif (Model Holistik) dan membantu menjayakan transformasi pendidikan seperti yang disasarkan oleh KPM.

RUJUKAN

- Ab Aziz Sulaiman & Siti Rubiyani Omar. (2018). Pelaksanaan Program Pendidikan inklusif Bagi Murid Berkeperluan Khas Bermasalah Pembelajaran di Malaysia Satu Tinjauan. *International Seminar on al-Quran n Contemporary Society*, 15-16 September 2018.
- Abdul Rahim Hamdan & Muhamad Khairul Anuar. (2013). Persepsi Guru Aliran Perdana Terhadap inklusif. *2nd International Seminar on Quality and Affordable Education*.
- Akta Orang Kurang Upaya. (2008). Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat. www.jkm.gov.my (20 Disember 2019)
- Azizi Yahaya, Sri Kartika Abd Rahman, Abu Bakar Madin, Hanapi Mohamad, Suraya Tarasat & Baharudin Mohd Arus. (2017). Membuat Penyelidikan dengan Mudah. Brunei: UNISSA Press.
- Bahagian Pendidikan Khas. (2008). *Buku Maklumat Pendidikan Khas*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Khas
- Bahagian Pendidikan Khas. (2018). Garis Panduan Program Pendidikan inklusif Murid Berkeperluan Khas Edisi 2018. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia
- Bahagian Pendidikan Khas. (2018). Modul Latihan Pembangunan Profesional Guru Pendidikan inklusif. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia
- Che Mohd Syaharuddin Che Cob, Bahyah Abdul Halim & Aziz Amin. (2017). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Prestasi Kerja Dalam Kalangan Penjawat Awam: Satu Kajian Teoritik. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 4(11)
- Chris Forlin & Dianne Chambers. (2011). Teacher Preparation for nclusive Education: ncreasing Knowledge but Raising Concerns. *Asia-Pacific Journal of Teacher Education*, 39 (1), 17–32
- Isabel Killoran, Dagmara Woronko & Hayley Zaretsky. (2014). Exploring Preservice teachers' Attitudes Towards nclusion. *International Journal of nclusive Education*, 18(4), 427 – 442.
- Jabatan Peguam Negara. (2013). Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013. Dimuat turun daripada <http://www.mansa.org.my/wp-content/uploads/2014/05/Peraturan-Pendidikan-Khas-2013.pdf>. 20 Disember 2019
- Janice Wearmouth, Gwenn Edwards & Robin Richmond. (2000). Teachers' Professional Development to Support nclusive Practices. *Journal of n-service Education*, 26(1), 49-61.
- John Charema. (2010). nclusive Education n Developing Countries n The Sub Saharan Africa: From Theory to Practice. *International Journal of Special Education*, 25(1).
- Joyce M. Hawkins. (2011). *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar edisi 5*. Selangor: Oxford Fajar.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025: Pra sekolah hingga lepas menengah*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). Surat siaran Kementerian Pendidikan Malaysia bilangan 8: Pelaksanaan Program Pendidikan inklusif (Model (Model Holistik)) Murid Berkeperluan Khas (MBK) Secara Berperingkat-peringkat Mulai Tahun 2020. KPM. 100-1/3/2 (17) 14 Ogos 2019
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). Surat siaran Kementerian Pendidikan Malaysia: Pelaksanaan Program Pendidikan inklusif di Program Pendidikan Khas ntegrasi (PPKI). KPmsp.100-6/1/25 Jid.3(98) 11 Mei 2016
- Kyong-Ah Kwon, Soo-Young Hong & Hyun-Joo Jeon. (2017). Classroom Readiness for Successful nclusion: Teacher Factors and Preschool Children's Experience with and Attitudes toward Peers with Disabilities. *Journal of Research n Childhood Education*, 31(3), 360-378.
- Lani Florian & Holly Linklater. (2010). Preparing Teachers for nclusive Education: Using nclusive Pedagogy to enhance Teaching and Learning For All. *Cambridge Journal of Education*, 40(4), 369 – 386.
- Lee Keok Cheong & Sailajah Nair Sukumaran. (2018). *Pendidikan inklusif Siri Pendidikan Guru*. Selangor: Oxford Fajar

- Lewis, R. B. dan Doorlag, D. H. (2003). *Teaching Special Students n General Educations Classrooms*. New Jersey: Pearson Education, nc.
- Louise Callan. (2013). *A case study examining the nclusion of children with special educational needs n a mainstream primary school [M.Ed. dissertation]*. Dublin: Trinity College Dublin
- Marian Mahat. (2008). The Development Of A Psychometrically-Sound nstrument To Measure Teachers' Multidimensional Attitudes Toward nclusive Education. *nternational Journal Of Special Education*. 23(1).
- Murnie Hassan. (2013). Pelaksanaan Program inklusif Bagi Pelajar Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran di Program ntergrasi. *Laporan Projek*. Unversiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Mokhtar Tahar & Farhana Najib. (2019). *Kesediaan Guru Aliran Perdana Terhadap Pelaksanaan Pendidikan inklusif*. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan, 24-25 April 2019
- Mohd Najib Ghafar dan Sanisah Jahaya. (2006). *Bias Pengajaran Guru dalam Pelajaran Khas dan Pelajaran Normal*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Noriah Mohd shak, Ramlee Mustapha, Siti Rahayah Ariffin & Syed Najmuddin Syed Hassan. (2003). Kecerdasan Emosi dan Hubungan dengan Nilai Kerja. *Jurnal Teknologi*, 39, 77-84.
- Noor Aini Ahmad. (2014). Pengurusan Program Pendidikan inklusif Bagi Murid Bermasalah Pembelajaran: Kajian Secara Naratif nkuiri. *Management Research Journal* Vol.3 (2014), 38–52
- Norfishah Mat Rabi, Nor Hasnida Che Md Ghazali & Grace Annammal Ghana Piragasam. (2018). The mportance of nclusive Education Course for Preparing Pre-Service Teacher to Teach Students with Special Needs n School. *International Journal of Academic Research n Business and Social Sciences*, 8(11), 1848–1858.
- Norliah Mohd Amin & Mohd Hanafi Mohd Yasin. (2016). *Pelaksanaan Program Pendidikan inklusif Murid Berkeperluan Khas dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2015*. Seminar Antarabangsa Pendidikan Khas Rantau Asia Tenggara Siri Ke-6
- Nurul Husna Mohd Zuki & Nik Suryani Nik Abd Rahman. (2016). Challenges Malaysian Teachers Face n The nclusion Of Autistic Students n The normal Classroom. *Journal Of Education and Social Sciences*, Vol 4.
- Richel C. Dapudong. (2014). Teachers' Knowledge and Attitude Toward nclusive Education: Basis for an Enhanced Professional Development Program. *nternational Journal of Learning & Development*, 4(4).
- Robert Samuel Savage & Ozlem Erten. (2015). Teaching n nclusive Classrooms: The Link Between Teachers' Attitudes Practices and Student Outcomes. *Journal of Psychology & Psychotherapy*, 5(6).
- Rohaizat brahim & Liyana Abd Talib. (2019). Teachers' Acceptance towards the nclusive Education Program for Students with Hearing mpairment. *Journal of CSAR*, 3(1).
- Siti Fatimah Salleh & Mustafa Che Omar. (2018). Masalah Pengajaran Guru Dalam Program Pendidikan inklusif di Sekolah. *Asian People Journal*, 1(2), 243 – 263.
- Spencer J. Salend & Laurel M. Garrick Duhaney. (1999). The mpact of nclusion on Students With and Without Disabilities and Their Educators. *Remedial and Special Education*, 2 (20), 114-126.
- Tawanda Makojo. (2018). Teachers' Concerns about nclusion n Mainstream Early Childhood Development n Zimbabwe. *nternational Journal of Special Education*. 33(22).
- Timo Saloviita. (2018). Attitudes of Teachers Toward nclusive Education n Finland. *Scandinavian Journal of Educational Research*, 64:2, 270-282. Diterima daripada <https://doi.org/10.1080/00313831.2018.1541819>
- Voughn S, Bos C. S., Schumn J. S. (2003). *Teaching Exceptional, Diverse and At-Risk Students n the General Education Classroom*. Boston: Pearson Education, nc. Allyn and Bacon.
- Zachary Y. Mngo & Agnes Y. Mngo. (2018) Teacher's Perceptions of nclusion n a Pilot nclusive Education Program: mplications for nstructional Leadership. *Hindawi Education Research nternational*. Diterima daripada <https://doi.org/10.1155/2018/3524879>
- Zakirah Othman, Fadhilah Mat Yamin, Noorulsadiqin Azbiya Yaacob dan Nurul Huda Che Ali. (2014). Kajian Kesediaan Penerimaan Teknik SRI Dalam Kalangan Petani Luar Bandar Menggunakan Pendekatan Model Teori Tingkah laku yang Dirancang. *Prosiding PERKEM*, 321 – 326.